

January 2016



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

7<sup>th</sup>  
ISSUE

# info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



## UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1576



9 772232 157005



# MITSA dan UiTM anjur NBES ke-3

Oleh: Mohammad Abang

**P**ersatuan Alumni UiTM Sarawak (MITSA) dan UiTM Sarawak telah menganjurkan National Business and Economic Seminar (NBES) yang telah berlangsung di Hotel Riverside pada 28 September 2015.

Seminar kali ke-3 yang dianjurkan dengan kerjasama UiTM Sarawak dan Kerajaan Negeri Sarawak itu bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai keadaan semasa ekonomi negara di samping memberi ruang dengan berkongsi maklumat mengenai inisiatif kerajaan dalam usaha mewujudkan potensi yang strategik dalam perniagaan.

Bertemakan 'Enhancing Economy through active Bumiputera participation in SMEs' seminar tersebut berupaya memberi pendedahan kepada peserta yang terlibat dalam industri perniagaan supaya memahami tahap ekonomi di Malaysia selain berupaya mencari peluang-peluang perniagaan yang wujud.

Pada masa yang sama, peserta turut didedahkan mengenai prospek serta peluang-peluang yang wujud dan yang belum diterokai dalam komuniti ekonomi ASEAN amnya kerana pembentang kertas kerja pada seminar tersebut merupakan mereka yang pakar dalam bidang masing-masing.

Di antara pembentang kertas kerja adalah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif AirAsia X, Tan Sri Rafidah Aziz yang juga bekas Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang berkongsi pentas mengenai "Peluang-Peluang PKS dalam Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC)".

Selain itu, Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Profesor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid juga membincangkan mengenai 'Prospek Ekonomi Malaysia' manakala Pengurus Besar Kanan Jabatan Rantaian PETRONAS, Norliza Mohamad Nawi pula berkongsi tajuk mengenai 'Peluang-Peluang dalam Industri Minyak dan Gas bagi Kontraktor'.

Turut diundang untuk menyampaikan kertas kerja adalah Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) UiTM, Prof Dr. Razmi Chik.

Majlis perasmian seminar tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg yang mewakili Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem. Hadir sama pada majlis tersebut adalah Menteri Muda

Kemajuan Tanah merangkap Presiden MITSA, Datuk Abdul Wahab Aziz, Rektor UiTM Sarawak Profesor Dato Dr. Jamil Hamali serta tetamu lain. Dalam ucapannya, Ketua Menteri menggesa supaya usahawan Bumiputera di negeri ini memperluaskan lagi peranan serta penyertaan mereka dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menurut beliau, sektor PKS yang dijangka menyumbang sebanyak 41 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020 dan sasaran tersebut mampu dicapai jika pemain PKS memainkan peranan yang lebih luas dan aktif dalam ekonomi negara terutama di kalangan usahawan Bumiputera.

Katanya, buat masa sekarang, penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi masih rendah di mana hanya 27 peratus atau 283,200 daripada 1,026,100 syarikat berdaftar adalah milik Bumiputera.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan lagi penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi dalam usaha memastikan sumbangan PKS kepada KDNK negara tercapai seperti menyediakan pelbagai insentif dan sokongan serta peluang-peluang perniagaan yang harus direbut oleh para usahawan Bumiputera.



**CENDERAMATA...Datuk Amar Abang Johari yang mewakili Ketua Menteri, menerima cenderamata yang disampaikan oleh Presiden MITSA, Datuk Haji Abdul Wahab Aziz. Turut bersama adalah Rektor UiTM Sarawak, Prof. Dato Dr. Jamil Haji Hamali (paling kiri) dan Tuan Haji Wan Idris Wan Ibrahim (ketiga dari kanan).**

## Research Workshop

By: Corina Joseph



**T**he Centre of Graduate Studies organised a one-day Research Workshop in collaboration with the International Research Symposium in Service Management (IRSSM 6) on 11<sup>th</sup> August 2015, at the Riverside Majestic Hotel, Kuching Sarawak. The main objective of this workshop was to provide insights on research and publication skills related to business and service management among the postgraduate students. The workshop was attended by approximately 50 postgraduate students. Four papers were presented by renowned IRSSM 6 speakers as follows:

1. Service Research Strategies for Publishing (Professor Jay Kandampully, the Ohio State University)
2. An Overview of the Research Process (Professor Alison Dean, the University of Newcastle, Australia)
3. Building Better Academic Arguments (Professor Bryon Keating, Australian National University)
4. Building and Maintaining Healthy Research Relationships: Considerations and Reflections (Associate Professor David Solnet, the University of Queensland)

The participants expressed their appreciation to the organising committee for organising this meaningful programme.

## New Postgraduate Students' Orientation Programme

By: Corina Joseph



**T**he Centre of Graduate Studies, UiTM Sarawak organised an orientation programme to welcome all new September 2015 intake students on 12<sup>th</sup> September 2015 at the Riverside Majestic Hotel, Kuching. Approximately 23 new research and coursework students turned up to register. The programme started with a networking lunch followed by the registration at 2.00 pm. Subsequently, the students attended a briefing by respective Research and Coursework Coordinators, Associate Professor Dr Corina Joseph and Ms Siti Huzaimah Sahari. The briefing covered rules and regulations pertaining to programmes and important dates throughout the semester. Officers from the Bursary Department and the library also conducted their briefings for the new students. Lastly, the closing ceremony of the programme was officiated by the Head of Centre of Graduate Studies, UiTM Sarawak, Associate Professor Dr Firdaus Abdullah at 6.00 pm.





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

## Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak  
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,  
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,  
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300  
E-mail: [corporate@sarawak.uitm.edu.my](mailto:corporate@sarawak.uitm.edu.my)  
[www.sarawak.uitm.edu.my](http://www.sarawak.uitm.edu.my)